Pendakwa Raya lwn Muhammad Azizul Hafiz bin Wahib dan satu lagi

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO T-09–403–11 TAHUN 2022
HADHARIAH SYED ISMAIL, AZMAN ABDULLAH DAN AZMI ARIFFIN HHMR
12 JUN 2024

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap perintah pelepasan dan pembebasan — Responden pertama dan responden kedua dituduh di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') — Sama ada kegagalan mahkamah majistret menyatakan indikasi pemakaian anggapan di bawah s 37(d) atau s 37(da) Akta di akhir kes pendakwaan adalah satu salah arah yang serius — Sama ada pembelaan responden pertama dan responden kedua menimbulkan keraguan munasabah — Sama ada majistret tersalah arah apabila mendapati responden pertama dan responden kedua mempunyai pemilikan terhadap dadah sedangkan pertuduhan ke atas kedua-dua tertuduh adalah mengawal dadah — Sama ada sabitan selamat — Sama ada campurtangan rayuan wajar

Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang melepaskan dan membebaskan tertuduh pertama dan tertuduh kedua ('responden pertama dan responden kedua'). Tidak berpuas hati, responden pertama dan responden kedua telah merayu ke Mahkamah Tinggi. Hakim Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan responden pertama dan responden alasan, antara lain bahawa: (a) kegagalan oleh majistret untuk menyebut di dalam nota prosiding berhubung pemakaian anggapan di bawah s 37(d) Akta semasa membaca keputusannya di akhir kes pendakwaan adalah satu salah arah; (b) responden pertama dan responden kedua telah dituduh mengawal dadah berbahaya yang dijumpai dalam beg eksh P9 sedangkan mengikut majistret di dalam alasan penghakimannya responden pertama dan responden kedua mempunyai pemilikan serta pengetahuan terhadap dadah-dadah tersebut; (c) mahkamah majistret telah tersalah arah dan terkeliru mindanya tentang apakah pertuduhan sebenar terhadap responden pertama dan responden kedua apabila majistret telah dengan panjang lebar di dalam alasan penghakimannya menyentuh elemen-elemen pembuktian pemilikan sedangkan pertuduhan ke atas kedua-dua tertuduh adalah mengawal dadah-dadah berbahaya sahaja. Justeru, Mahkamah Tinggi mengenepikan keputusan mahkamah majistret dan kedua-dua perayu dilepaskan dan dibebaskan. Oleh itu rayuan ini. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah adalah: (i) sama ada kegagalan mahkamah majistret menyatakan indikasi pemakaian anggapan di bawah s 37(d) atau s 37(da) Akta di akhir kes pendakwaan ketika memanggil responden pertama dan responden

kedua membela diri adalah satu salah arah yang serius yang telah mengundang prejudis dan ketidakadilan terhadap responden pertama dan responden kedua sehingga menyebabkan sabitan yang direkodkan menjadi tidak selamat; dan (ii) sama ada majistret telah tersalah arah bila di dalam alasan penghakimannya beliau mendapati responden pertama dan responden kedua mempunyai pemilikan (*possession*) terhadap dadah tersebut sedangkan pertuduhan ke atas kedua-dua tertuduh adalah mengawal (*control*) dadah yang dijumpai dalam beg eksh P9 sahaja.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Tidak dinafikan bahawa di dalam nota prosiding majistret tidak menyebut pemakaian anggapan mengenai pengetahuan di bawah s 37(d) Akta semasa beliau membaca keputusannya di akhir kes pendakwaan dan ketika memanggil responden pertama dan responden kedua membela diri. Anggapan pengetahuan di bawah seksyen ini hanya dinyatakan di dalam alasan penghakiman mahkamah majistret sahaja. Namun begitu, berpaksikan kepada keterangan dan kredibiliti saksi-saksi yang dipanggil untuk memberikan keterangan, ketinggalan (*omission*) atau kekhilafan (*oversight*) oleh mahkamah majistret ini tidaklah menjejaskan dapatan dan sabitan yang dibuat. Jika benar terdapat salah arah sekali pun, tidak berlakunya kegagalan keadilan (*failure of justice*) atau ketidakadilan yang substansial (*substantial injustice*) kepada responden pertama dan responden kedua (lihat perenggan 50–52)

(2) Terdapat keterangan yang membuktikan responden pertama dan responden kedua (secara niat bersama) mempunyai kawalan terhadap dadah berbahaya yang dijumpai di dalam beg eksh P9 tersebut serta pengetahuan mereka tentang kewujudan dadah tersebut di dalamnya. Ini adalah kerana, antara lain: (a) semasa SP2 bertanyakan kepada responden pertama dan responden kedua sama ada mereka ada lagi menyimpan apa-apa barang yang menyalahi undang-undang. Tertuduh pertama menjawab 'Ya. Ada'. Responden pertama seterusnya telah mengambil eksh P9 di atas katil, dan menyerahkan kepada SP2; (b) responden pertama dan responden kedua ini sahaja yang mempunyai akses sepenuhnya ke atas bilik tersebut; dan (c) di dalam bilik tersebut juga, SP2 telah menjumpai, satu botol kaca yang telah diubahsuai yang disyaki digunakan untuk menghidap dadah, satu pemetik api dan satu bilah gunting di atas lantai dan kesemua barang tersebut dalam keadaan terdedah. Jarak di antara barang-barang kes ini dengan responden pertama dan responden kedua ketika SP2 masuk ke dalam bilik adalah lebih kurang dua kaki sahaja dengan kedudukan kedua-dua tertuduh. Jarak yang dekat ini menunjukkan responden pertama dan responden kedua mempunyai kawalan dan jagaan terhadap barang-barang kes tersebut (lihat perenggan 53).

(3) Tidak dinafikan terdapat pintu di bahagian ruang dapur yang menghubungkan gudang dan rumah tersebut. Pihak pembelaan mengatakan bahawa bilik tempat kejadian tersebut boleh diakses oleh orang lain dan dadah tersebut sebenarnya adalah milik seorang bernama Jamil yang ditinggalkan di bilik itu sebelum tangkapan dibuat. Keterangan pihak pembelaan berkenaan kewujudan 'Jamil' merupakan suatu keterangan yang direka-reka untuk menutup kesalahan responden pertama dan responden kedua. Juga, pembelaan responden pertama dan responden kedua yang menyatakan bahawa mereka tiada pengetahuan ke atas penemuan dadah-dadah tersebut adalah satu penafian kosong semata-mata (lihat perenggan 53).

(4) Nas undang-undang yang dirujuk oleh peguam responden pertama dan responden kedua kesemuanya adalah berkaitan kes-kes pengedaran dadah di mana mahkamah boleh mengguna pakai sama ada presumption of possession di bawah s 37(d) Akta atau *presumption of trafficking* di bawah s 37(da) Akta yang sama dan kegagalan mahkamah bicara menyatakan indikasi di akhir kes pendakwaan adalah memudaratkan terhadap sesuatu sabitan yang dibuat. Disebaliknya, pertuduhan terhadap kedua-dua tertuduh hanyalah dibuat di bawah s 12(2) Akta dan dihukum di bawah s 39A(1) Akta yang sama dan bukannya berkaitan pengedaran dadah berbahaya. Oleh itu, kegagalan menyatakan indikasi tersebut di akhir kes pendakwaan tidak meruntuhkan kes pendakwaan serta tidak memprejudiskan responden pertama dan responden kedua (lihat perenggan 57 & 59–60).

(5) Adalah jelas daripada petikan barisan ayat di atas, bahawa beban yang paling rendah telah diletakkan di atas bahu kedua-dua tertuduh untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Malangnya, beban serendah ini pun gagal disempurnakan oleh kedua-dua tertuduh apatah lagi untuk mematahkan anggapan di bawah s 37(d) Akta di atas imbangan kebarangkalian yang pastinya tidak akan berjaya dilepasi. Oleh itu tidak ada sebab untuk sabitan ini diakas (lihat perenggan 61).

(6) Dapatan oleh mahkamah bicara yang menyatakan bahawa responden pertama dan responden kedua mempunyai pemilikan terhadap dadah tersebut dibuat hanya setelah mahkamah bicara berpuas hati bahawa responden pertama dan responden kedua mempunyai kawalan dan pengetahuan ke atas dadah yang dijumpai di dalam bilik tersebut. Oleh itu, tiada salah arah yang dilakukan oleh mahkamah bicara. Menyentuh mengenai pengetahuan pula, kelakuan responden pertama dan responden kedua yang kelihatan terkejut dan takut selepas menyedari keberadaan polis di dalam bilik tersebut boleh disiratkan sebagai mempunyai pengetahuan ke atas dadah yang dijumpai di dalam bilik

tersebut. Kelakuan responden pertama dan responden kedua adalah relevan dan boleh diterima masuk di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 (lihat perenggan 63 & 66).

(7) Terdapat merit di dalam rayuan ini untuk mewajarkan campurtangan terhadap perintah Mahkamah Tinggi. Keputusan yang dibuat oleh mahkamah majistret adalah betul dan tepat. Oleh itu, rayuan perayu dibenarkan dan perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah majistret dikembalikan (*restored*). Keputusan hakim Mahkamah Tinggi diketepikan. Waran pemenjaraan dikeluarkan terhadap kedua-dua tertuduh untuk menjalani hukuman pemenjaraan selama satu tahun enam bulan dan empat kali sebatan (lihat perenggan 69–70).

[English summary

This was an appeal by the appellant against the decision of the High Court which discharged and acquitted the first and the second accused ('the first respondent and the second respondent'). Dissatisfied, the first respondent and the second respondent appealed to the High Court. The High Court judge has allowed the appeal of the first respondent and the second respondent on the grounds, among other, that: (a) the failure of the magistrate to mention in the notes of proceeding regarding the application of presumption under s 37(d) of the Act when reading his decision at the end of the prosecution case was a misdirection; (b) the first respondent and the second respondent were accused of having control the dangerous drugs found in exh bag P9 whereas according to the magistrate in his grounds of judgment the first respondent and the second respondent had possession and knowledge of the drugs; (c) the magistrate's court was misdirected and his mind as to what the actual charges against the first respondent and the second respondent were when the magistrate had at length in his grounds of judgment touched upon the elements of possession while the charge against the two accused was only on the control of the dangerous drugs. Therefore, the High Court set aside the decision of the magistrate court and the two appellants were discharged and acquitted. Hence this appeal. The issues raised for the court's consideration are: (i) whether the magistrate's court's failure to indicate the application of presumption under s 37(d) or s 37(da) of the Act at the end of the prosecution case when calling the first respondent and the second respondent to defend themselves was a serious misdirection which has invited prejudice and injustice to the first respondent and the second respondent thus rendering the recorded conviction unsafe; and (ii) whether the magistrate was misdirected when in his grounds of judgment he found that the first respondent and the second respondent had possession of the drug while the charge against the two accused was the control of the drug found only in the bag exh P9.

Held, allowing the appeal:

(1) It was not disputed that in the notes of proceeding the magistrate did not

mention the application of presumption of knowledge under s 37(d) of the Act when he read his decision at the end of the prosecution case and when he called the first respondent and the second respondent to defend themselves. The presumption of knowledge under this section was only stated in the magistrate court's grounds of judgment the. However, based on the evidence and credibility of the witnesses called to give evidence, omissions or oversights by the magistrate's court did not affect the findings and convictions made. If it was true that there was even one misdirection, there is no failure of justice or substantial injustice to the first respondent and the second respondent (see paras 50–52)

(2) There was evidence that proved the first respondent and the second respondent (by mutual intention) have control over the dangerous drugs found in the bag exh P9 as well as their knowledge of the existence of the drug in it. This was due, among others: (a) when SP2 asked the first respondent and the second respondent whether they still kept any illegal items. The first accused answered 'Yes. There was'. The first respondent then took exh P9 on the bed, and handed it over to SP2; (b) the first respondent and the second respondent were the only ones who had full access to the room; and (c) in the room as well, SP2 had found a modified glass bottle suspected of being used for drugs, a lighter and a scissor blades on the floor and all the items exposed. The distance between the exhibits and the first respondent and the second respondent when SP2 entered the room was only approximately two feet with the position of the two accused. This close proximity shows that the first respondent and the second respondent have control and custody of the exhibits (see para 53).

(3) It was not disputed that there was a door in the kitchen area that connects the warehouse and the house. The defense contended that the room where the incident happened was accessible to other people and that the drugs actually belonged to a person named Jamil who was left in the room before the arrest was made. The testimony of the defense regarding the existence of 'Jamil' was a testimony made up to cover up the guilt of the first respondent and the second respondent. Also, the defense of the first respondent and the second respondent stated that they had no knowledge of the discovery of the drugs was a mere denial (see para 53).

(4) The case laws referred to by the counsel for the first respondent and the second respondent were all related to drug trafficking cases where the court can apply either the presumption of possession under s 37(d) of the Act or the presumption of trafficking under s 37(da) of the same Act and the failure of the trial court to state the indication at the end of the prosecution case was detrimental to a conviction made. On the other hand, the charges against the two accused were only made under s 12(2) of the Act and punishable under s 39A(1) of the same Act and not related to the trafficking of dangerous drugs. Therefore, the failure to state the

indication at the end of the prosecution case did not collapse the prosecution case and did not prejudice the first respondent and the second respondent (see paras 57 & 59–60).

(5) It was clear from the passage of the sentence above, that the lowest burden has been placed on the shoulders of the two accused to create reasonable doubt on the prosecution's case. Unfortunately, even this low burden failed to be fulfilled by the two accused let alone to break the presumption under s 37(d) of the Act on the balance of probabilities which will certainly not be successfully passed. There was therefore no reason to set aside this conviction (see para 61).

(6) The finding by the trial court stating that the first respondent and the second respondent had possession of the drugs was made only after the trial court was satisfied that the first respondent and the second respondent had control and knowledge of the drugs found in the room. Therefore, there was no misdirection by the trial court. Touching on knowledge, the behavior of the first respondent and the second respondent who looked shocked and scared after realising the presence of the police in the room could be implied as having knowledge of the drugs found in the room. The conduct of the first respondent and the second respondent was relevant and admissible under s 8 of the Evidence Act 1950 (see paras 63 & 66).

(7) There was merit in this appeal to justify interference with the order of the High Court. The decision made by the magistrate court was correct and accurate. Therefore, the prosecutor's appeal was allowed and the order granted by the magistrate court was restored. The High Court judge's decision was set aside. Imprisonment warrants were issued against both accused to serve a term of imprisonment of one year six months and four strokes of the cane (see paras 69–70).]

Kes-kes yang dirujuk

Abou Sylla v PP and another appeal [2017] 5 MLJ 475; [2018] 1 CLJ 46, MR (dibeza)
Ahmad Najib bin Aris v PP [2009] 2 MLJ 613, MP (dirujuk)
Amri bin Ibrahim & Anor v PP and another appeal [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 CLJ 617, MP (dirujuk)
Chan Pean Leon v PP [1956] 1 MLJ 237; [1956] 1 LNS 17 (dirujuk)
G Vasan Gunasegaran v PP [2018] 1 LNS 1604, MR (dirujuk)
LCY v TWY [2019] 4 MLJ 203; [2019] 7 CLJ 158, MR (dirujuk)
Lim Son Heng v PP [2014] 6 MLJ 109, MR (dirujuk)
Mat v PP [1963] 1 MLJ 263 (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)
PP v Abdul Manaf bin Muhamad Hassan [2006] 3 MLJ 193, MP (dirujuk)

A *PP v Azilah bin Hadri & Anor* [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579, MP (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393, MP (dirujuk)
Samundee Devan a/l Muthu Kerishnan v PP [2010] 2 MLJ 607; [2010] 3 CLJ 269, MP (dirujuk)

B **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), 37(d), (da), 39A(1)
Akta Keterangan 1950 s 8
C Kanun Keseksaan s 34

Rayuan daripada: Rayuan Jenayah No TA-41S-15–12 Tahun 2021 (Mahkamah Tinggi, Kuala Terengganu)

D *Muhammad Syahri bin Adnan (Wan Suhaili bin Wan Ismail bersamanya) (Rafaei & Co) bagi pihak perayu.*
Solehah Noratikah bt Ismail (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

E **Azmi Ariffin HMR:**

MUKADIMAH

F **[1]** Pendakwaan terhadap perayu pertama dan perayu kedua bermula di Mahkamah Majistret Kemaman, Terengganu Darul Iman di atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 8 Ogos 2018 jam lebih kurang 2.30 pagi bertempat di dalam bilik rumah tidak bernombor, Jalan Ketapang, Bukit Kuang, dalam Daerah Kemaman, dalam Negeri Terengganu Darul Iman telah ada dalam
G kawalan kamu dadah berbahaya iaitu methamphetamine 5.63 gram. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah s 39A(1) Akta yang sama dan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan.

H **[2]** Pertuduhan telah dibacakan dan kedua-dua mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan terhadap pertuduhan tersebut.

I **[3]** Di akhir kes pembelaan, Puan majistret yang bijaksana telah mensabitkan kedua-dua perayu di atas pertuduhan tersebut dan masing-masing dikenakan hukuman pemenjaraan selama tiga tahun enam bulan dari tarikh jatuh hukum (30 November 2021) dan empat sebatan rotan setiap seorang.

[4] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pada 2 Disember 2021, kedua-dua perayu telah memfailkan satu notis rayuan ke Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu terhadap sabitan dan hukuman.

[5] Pada 9 November 2022, hakim Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu yang bijaksana telah membenarkan rayuan perayu-perayu. Keputusan mahkamah majistret diketepikan dan kedua-dua perayu dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan tersebut.

[6] Terkilan dengan keputusan tersebut, pada 21 November 2022, pendakwaraya telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan.

[7] Bagi memudahkan rujukan, kami akan merujuk pihak-pihak sepertimana panggilan mereka di mahkamah majistret iaitu perayu pertama (Muhammad Azizul Hafiz bin Wahib) sebagai tertuduh pertama, perayu kedua (Noor Kamarul Zuhaimi bin Noorazman Lua) sebagai tertuduh kedua dan responden sebagai pendakwa raya.

FAKTA KES PENDAKWAAN

[8] Bertindak di atas maklumat yang diterima pada 8 Ogos 2018 jam lebih kurang 2 pagi, SP2 ('Inspektor Lee Beng Oui/pegawai serbuan') telah mengarahkan anggota polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Kemaman untuk menghadiri taklimat tentang suatu aktiviti penglibatan dadah.

[9] Setelah selesai taklimat, SP2 bersama empat anggota polis daripada Bahagian Narkotik telah bertolak dengan dua buah kenderaan ke lokasi yang dituju iaitu di sebuah rumah tidak bernombor di Jalan Ketapang, Bukit Kuang, Kemaman.

[10] Setiba di tempat yang dituju, SP2 dan pasukannya telah membuat pemerhatian selama lebih kurang lima minit ke atas rumah tersebut dalam jarak lebih kurang 50 meter.

[11] Hasil pemantaun yang dibuat, SP2 mendapati tiada sebarang pergerakan orang yang keluar masuk di kawasan tersebut dan di bahagian luar rumah.

[12] Seterusnya, SP2 dan anggota serbuan telah masuk ke dalam rumah tersebut melalui pintu di bahagian belakang rumah. Ketika itu, keadaan pintu belakang tersebut tertutup tetapi tidak berkunci.

[13] Setelah memasuki ke dalam rumah tersebut, SP2 dan anggota serbuan ada terdengar orang bercakap-cakap di dalam rumah itu lalu SP2 serta anggota serbuan terus menuju ke bahagian dapur di dalam rumah tersebut dan mendapati terdapat sebuah bilik di bahagian dapur rumah tersebut.

[14] Keadaan pintu bilik tersebut bertutup dan ketika SP2 ingin membuka pintu bilik tersebut, didapati pintu bilik tersebut tidak berkunci dan SP2 mendapati ada dua orang lelaki yang berada di dalam bilik tersebut yang ketika itu yang masih belum tidur dan sedang menghisap rokok.

[15] SP2 terus memperkenalkan diri sebagai polis dan telah menahan tertuduh pertama. Manakala Sarjan Mohd Isenin bin Abu Bakar ('SP4') pula telah menahan tertuduh kedua.

[16] SP2 telah membuat pemeriksaan fizikal terhadap tertuduh pertama namun tiada menjumpai apa-apa barang salah pada badannya. Selanjutnya, SP2 telah mengarahkan SP4 membuat pemeriksaan fizikal ke atas tertuduh kedua dan SP4 telah menjumpai satu dompet jenama 'Guess' di bahagian belakang sebelah kanan seluar jeans yang dipakai oleh tertuduh kedua.

[17] Di dalam dompet tersebut, SP4 telah menjumpai satu paket plastik lutsinar yang mengandungi ketulan kristal yang disyaki dadah. SP4 telah menyerahkan dompet tersebut kepada SP2. SP2 telah menjumpai sekeping kad pengenalan di atas nama tertuduh kedua. Dompet tersebut kemudianya dirampas oleh SP2.

[18] Seterusnya SP2 telah bertanyakan kepada tertuduh pertama dan tertuduh kedua sama ada mereka ada lagi menyimpan apa-apa barang yang menyalahi undang-undang. Tertuduh pertama menjawab 'Ya. Ada'. Tertuduh pertama seterusnya mengambil satu beg berwarna merah ('eksh P9') di atas katil dan menyerahkan kepada SP2. Apabila SP2 membuka beg tersebut, SP2 mendapati di dalamnya mengandungi dua paket plastik lutsinar yang di dalamnya berisi serbuk dan ketulan kristal yang disyaki dadah ('eksh P18 A dan B dan P19').

[19] SP2 telah membuat pemeriksaan lanjut di dalam bilik tersebut dan menjumpai barangan berikut:

(a) satu botol kaca yang diubahsuai disyaki alat untuk menghisap dadah ('eksh P10');

(b) satu pemetik api warna hijau jenama 'Alladdin' ('eksh P11'); dan

(c) satu gunting besi bertulis 'Stainless' ('eksh P12').

[20] SP2 kemudiannya telah menangkap kedua-dua tertuduh dan merampas kesemua barang kes yang dijumpai dan membawa balik ke lbu Pejabat Polis Daerah Kemaman. Sepanjang masa perjalanan daripada tempat kejadian ke balai polis, kedua-dua tertuduh dan kesemua barang kes tersebut berada di dalam kawalan dan jagaan SP2.

[21] Setelah sampai di Ibu Pejabat Polis Daerah Kemaman, SP2 telah membuat laporan polis ('eksh P15').

[22] Kedua-dua tertuduh dan kesemua barang kes yang dirampas kemudiannya diserahkan kepada Sarjan Mohamad Syazwan bin Radzee ('SP5') yang merupakan pegawai penyiasat kes ini.

[23] Pada 13 Ogos 2018, SP5 telah berlepas ke Jabatan Kimia Malaysia Kuala Terengganu dan menyerahkan barang kes kepada ahli kimia Puan Nordiana bt Salleh ('SP5') untuk tujuan analisa. Hasil analisa yang dijalankan oleh SP5 mendapati di dalam setiap satu dua peket plastik lutsinar yang telah dirampas mengandungi 5.63g dadah jenis methamphetamine. Laporan kimia bertarikh 6 September 2018 ditandakan sebagai P27.

[24] Tuan Maslizawati bt Tuan Shamad ('SP6') yang merupakan isteri kepada tertuduh kedua mengatakan bahawa bilik tempat kejadian terletak di bahagian dapur dan ia hanyalah digunakan oleh tertuduh kedua sahaja. SP6 dan anak-anak tidak pernah menggunakan bilik tersebut.

[25] Menurut SP6 juga, pada malam kejadian tersebut, hanya tertuduh pertama dan tertuduh kedua sahaja yang berada di dalam bilik tersebut. SP6 tidak nampak ada orang lain yang memasuki atau menggunakan bilik tersebut. SP6 juga menyatakan bahawa bila tertuduh kedua keluar dari bilik tersebut, pintu bilik tersebut akan sentiasa ditutup. Mengikut SP6, pintu di bahagian dapur bila dibuka boleh terus masuk ke gudang. Ini adalah kerana rumah tertuduh kedua bersambung dengan gudang yang dimiliki oleh keluarganya.

[26] Di akhir kes pendakwaan, pada 28 April 2021, Puan majistret yang bijaksana memutuskan bahawa pihak pendakwaraya telah berjaya mengemukakan suatu kes prima facie terhadap kedua-dua tertuduh dan seterusnya memerintahkan mereka untuk membela diri.

KES PEMBELAAN

[27] Tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah memilih untuk memberikan keterangan mereka secara bersumpah di kandang saksi dan memanggil dua orang saksi pembelaan ('SD3' dan 'SD4') bagi menyokong

keterangan mereka. Kami berhasrat untuk menggabungkan keterangan kedua-dua tertuduh ini kerana keterangan mereka mempunyai persamaan.

RINGKASAN KETERANGAN TERTUDUH PERTAMA (SD1) DAN TERTUDUH KEDUA (SD2)

[28] Mereka tidak mempunyai pengetahuan berkenaan kewujudan dadah tersebut sehingga diberitahu oleh pihak polis.

[29] Mereka tidak mengetahui pemilik dadah tersebut.

[30] Semasa kejadian mereka sedang bermain 'game' di bilik tersebut sementara menunggu hujan berhenti untuk ke kedai dobi serta ke bank untuk memasukkan duit.

[31] Bilik di tempat kejadian tersebut boleh diakses oleh orang lain kerana pintu rumah bersambung dengan gudang.

Peruntukan undang-undang berkaitan:

(a) s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 memperuntukkan:

> (1) ...
>
> (2) No person shall have in his possession, custody or control any dangerous drug ...

(b) s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 memperuntukkan:

> (d) any person who is found to have had in his custody or under his control anything whatsoever containing any dangerous drug shall, until the contrary is proved, be deemed to have been in possession of such drug and shall, until the contrary is proved, be deemed to have known the nature of such drug.

(c) s 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 memperuntukkan:

> (1) Every person found guilty of an offence against this Act where the subject matter of the offence is —
>
> (a) ...
>
> (r) 5 grammes or more but less than 30 grammes in weight of Methamphetamine;
>
> ...
>
> (za) a total of 5 grammes or more but less than 30 grammes in weight of any combination of the dangerous drugs listed in paragraphs (m) to (z), shall, instead of being liable to the punishment provided for that offence under the section under which the person has been so found guilty, be punished with imprisonment for a term which shall not be less than two

years but shall not exceed five years, and he shall also be punished with whipping of not less than three strokes but not more than nine strokes.

(d) s 34 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner is if the act were done by him alone.

RINGKASAN KETERANGAN SD3 (NOORUL AIDA BT NOORAZAMAN LUA) DAN SD4 (MUHAMMAD HAIRUL ZAKRI BIN KAMALUDDIN)

[32] SD3 dan SD4 yang merupakan pekerja gudang tersebut mengesahkan bahawa pekerja-pekerja gudang menggunakan bilik tersebut untuk berehat dan solat. SD3 dan SD4 juga menyatakan bahawa mereka masuk ke bilik tersebut melalui pintu yang bersambung dengan gudang dan tiada kebenaran diperlukan untuk masuk ke bilik tersebut, mereka boleh masuk ke bilik tersebut pada bila-bila masa sahaja.

[33] SD3 dan SD4 mengesahkan bahawa mereka dan pekerja-pekerja lain turut menggunakan bilik tersebut pada siang 7 Ogos 2018.

[34] Turut disahkan oleh SD3 dan SD4 adalah bahawa penama Jamil yang sebelum ini bertugas sebagai kelindan lori merupakan pekerja di gudang tersebut, tidak lagi hadir bekerja/hilang terus selepas kedua-dua tertuduh ditangkap. Namun begitu, Jamil ada bekerja pada 7 Ogos 2018.

PRINSIP UNDANG-UNDANG DI PERINGKAT RAYUAN

[35] Mengenai isu sabitan, mahkamah dalam mendengar rayuan ini berpandukan kepada prinsip undang-undang yang mantap di mana mahkamah di peringkat rayuan tidak akan campur tangan dan mengubah apa-apa keputusan yang diberikan oleh mahkamah perbicaraan melainkan ternyata keputusan tersebut terdapat salah arah, tidak menurut undang-undang dan terdapat keterangan kukuh yang menunjukkan bahawa mahkamah perbicaraan telah terkhilaf di dalam menilai keterangan yang telah dikemukakan semasa perbicaraan.

[36] Di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393, di mana Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Gopal Sri Ram HMR (beliau pada ketika itu) menegaskan seperti berikut:

Now, it settled law that it is no part of the function of an appellate court in a criminal case-or indeed any case to make its own findings of fact. That is a function

exclusively reserved by the law to the trial court. The reason is obvious. An appellate court is necessarily fettered because it lacks the audio-visual advantage enjoyed by the trial court.

[37] Di dalam kes *Amri bin Ibrahim & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 CLJ 617, Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

> [51] It is trite law that the view of the trial judge as to the credibility of a witness must be given proper weight and consideration. An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the trial judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there were substantial and compelling reasons for disagreeing.

[38] Menyentuh mengenai prinsip yang sama, di dalam kes *LCY v TWY* [2019] 4 MLJ 203; [2019] 7 CLJ 158, Tengku Maimun Tuan Mat HMR (kini Ketua Hakim Negara) menyatakan seperti berikut:

> [26] The principle of law on appellate intervention is settled. In *Dream Property Sdn Bhd v Atlas Housing Sdn Bhd* [2015] 2 MLJ 441; [2015] 2 CLJ 453, the Federal Court reiterated the principle as follows at p 464 (MLJ); p 476(CLJ):
>
> > [60] It is now established that the principle on which an appellate court interfere with findings of fact by the trial court is 'the plainly wrong test' principle; see the Federal Court in *Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors* [2005] 1 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 309 (at p 10) per Steve Shim CJ SS. More recently, this principle of appellate intervention was affirmed by the Federal Court in *UEM Group Bhd (previously known as United Engineers (M) Bhd v Genisys Integrated Engineers Pte Ltd & Anor* [2018] supp MLJ 363; [2010] 9 CLJ 785 where it was held at p 375 (MLJ); p 800 (CLJ):
> >
> > > It is well settled law that an appellate court will not generally speaking intervene with the decision of a trial court unless the trial court is shown to be plainly wrong in arriving at its decision. A plainly wrong decision happens when the trial court is guilty of no or insufficient judicial appreciation of the evidence (see *Chew Yee Wah & Anor v Choo Ah Pat* [1978] 2 MLJ 41b; [1978] 1 LNS 32 *Watt v Thomas* [1947] AC 484 and *Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors* [2005] 2 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 309.

RINGKASAN DAPATAN MAHKAMAH TINGGI DI AKHIR KES PEMBELAAN

[39] Puan majistret yang bijaksana telah gagal mengarahkan minda beliau sama ada anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 berbangkit terhadap tertuduh-tertuduh semasa memanggil mereka membela diri di atas pertuduhan tersebut.

[40] Di akhir kes pendakwaan semasa memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie dan memanggil tertuduh-tertuduh untuk membela diri, Puan majistret yang bijaksana tidak menyebut dengan jelas semasa keputusan ringkas tersebut dibacakan bahawa beliau telah menggunapakai anggapan di bawah s 37(d) Akta tersebut.

[41] Di sebaliknya pula di dalam alasan penghakimannya di perenggan kandungan 7 RR Jld 2 di ms 63–67 rekod rayuan, Puan majistret yang bijaksana dengan terang telah mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) Akta tersebut.

[42] Kegagalan oleh Puan majistret yang bijaksana untuk menyebut di dalam nota prosiding berhubung pemakaian anggapan di bawah s 37(d) Akta tersebut semasa membaca keputusannya di akhir kes pendakwaan adalah satu salah arah yang serius menyebabkan ketidakadilan kepada tertuduh-tertuduh. Ini adalah kerana kedua-kedua tertuduh telah diletakkan di dalam keadaan yang tidak menentu untuk menyediakan pembelaannya iaitu sama ada pembelaan mereka berada pada tahap menimbulkan keraguan yang munasabah atau mematahkan anggapan undang-undang di atas imbangan kebarangkalian.

[43] Di dalam konteks ini, Puan majistret yang bijaksana di akhir kes pembelaan memutuskan di antara lainnya adalah seperti berikut (rujuk nota prosiding kandungan 9 rekod rayuan Jld 3 (2) di ms 313–314):

> Pihak pendakwaan telah membuktikan kes untuk pertuduhan pada tahap melampaui keraguan yang munasabah. Pihak pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Oleh yang demikian OKT1 dan OKT 2 didapati bersalah bagi pertuduhan di bawah s 12(2) ADB yang mana jika sabit kesalahan OKT1 dan OKT 2 boleh dihukum di bawah s 39A(1) Akta yang sama dibaca bersama s 34 KK.

[44] Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa petikan ayat di atas menunjukkan Puan majistret yang bijaksana telah tersalah arah dari segi undang-undang kerana di akhir kes pendakwaan seperti yang terkadung di dalam alasan penghakimannya, beliau menggunakan anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952. Oleh sebab itu maka di akhir kes pembelaan, Puan majistret sepatutnya memutuskan sama ada pembelaan tertuduh-tertuduh telah berjaya mematahkan anggapan di bawah s 37(d) di atas imbangan kebarangkalian ataupun tidak. Mahkamah Tinggi berpendapat telah berlaku salah arah yang telah memprejudiskan tertuduh-tertuduh.

[45] Perkara kedua yang diketengahkan oleh Mahkamah Tinggi adalah kedua-dua tertuduh telah dituduh mengawal dadah berbahaya yang dijumpai dalam beg eksh P9 sedangkan mengikut Puan majistret di dalam alasan

penghakimannya tertuduh pertama dan tertuduh kedua mempunyai pemilikan serta pengetahuan terhadap dadah-dadah tersebut. Puan majistret yang bijaksana seterusnya menyatakan isu pemilikan dadah merupakan teras kepada pertuduhan yang dipertuduhkan ke atas tertuduh pertama dan tertuduh kedua.

[46] Akhir sekali, Mahkamah Tinggi mengatakan bahawa dapatan yang dibuat oleh mahkamah majistret di atas jelas menunjukkan bahawa Puan majistret yang bijaksana telah tersalah arah dan terkeliru mindanya tentang apakah pertuduhan sebenar terhadap tertuduh-tertuduh ini. Puan majistret yang bijaksana telah dengan panjang lebar di dalam alasan penghakimannya menyentuh elemen-elemen pembuktian pemilikan sedangkan pertuduhan ke atas kedua-dua tertuduh adalah mengawal dadah-dadah berbahaya sahaja. Oleh itu Puan majistret telah tersalah arah dalam menilai pembuktikan kes terhadap kedua-dua tertuduh.

KEPUTUSAN KAMI

[47] Kedua-dua pihak hanya membangkitkan dua isu berikut sahaja iaitu:

(a) pertama, sama ada kegagalan mahkamah majistret menyatakan indikasi di akhir kes pendakwaan ketika memanggil kedua-dua tertuduh membela diri adalah satu salah arah yang serius yang telah mengundang prejudis dan ketidakadilan terhadap tertuduh-tertuduh sehingga menyebabkan sabitan yang direkodkan menjadi tidak selamat; dan

(b) kedua, sama ada Puan majistret yang bijaksana telah tersalah arah bila di dalam alasan penghakimannya beliau mendapati kedua-dua tertuduh mempunyai pemilikan (*possession*) terhadap dadah tersebut sedangkan pertuduhan ke atas kedua-dua tertuduh adalah mengawal (*control*) dadah yang dijumpai dalam beg eksh P9 sahaja.

ISU PERTAMA

[48] Di dalam memutuskan isu yang pertama ini, hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana di dalam alasan penghakimannya mengatakan seperti berikut:

> 17. Di dalam alasan penghakimannya pula di perenggan 62–67 RR Jld 1, majistret mengatakan bahawa beliau telah menggunapakai anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952. Oleh kerana dalam alasan penghakimannya majistret bergantung kepada s 37(d) ADB di akhir kes pendakwaan semasa memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie dan memanggil tertuduh-tertuduh membela diri maka adalah menjadi kewajipan majistret untuk menyatakan dapatan ini dalam nota prosiding dengan jelas dan memaklumkan kepada tertuduh-tertuduh dengan jelas di mahkamah terbuka semasa perbicaraan penuh kerana ianya adalah suatu keperluan mandatori yang telah diperuntukkan oleh undang-undang. Nas-nas undang-undang memutuskan kegagalan mahkamah

untuk membuat dapatan dalam nota presiding bahawa anggapan di bawah s 37(d) berbangkit ke atas tertuduh-tertuduh adalah satu salah arah yang serius menyebabkan ketidakadilan kepada mereka.

19. Kegagalan ini meletakkan tertuduh-tertuduh dalam keadaan tidak menentu untuk menyediakan pembelaannya iaitu samada pembelaannya perlu pada tahap keraguan yang munasabah atau mematahkan anggapan undang-undang di atas imbangan kebarangkalian.

21. Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat majistret telah terkhilaf dari segi undang-undang apabila gagal menyatakan penggunaan pemakaian anggapan di bawah s 37(d) ADB semasa membaca keputusan di akhir kes pendakwaan.

24. Mahkamah berpendapat magistret telah tersalah arah dari segi undang-undang kerana di akhir kes pendakwaan dalam alasan penghakimannya, beliau menggunakan anggapan di bawah s 37(d) ADB. Oleh sebab dapatan majistret ialah anggapan di bawah s 37(d) berbangkit, maka di akhir kes pembelaan, majistret sepatutnya memutuskan samada pembelaan perayu telah berjaya mematahkan anggapan di bawah s 37(d) di atas imbangan kebarangkalian ataupun tidak. Mahkamah berpendapat ini adalah satu salah arah yang telah memprejudiskan perayu.

[49] Dengan penuh hormat, kami tidak bersetuju dengan dapatan yang dibuat oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana di dalam isu ini.

[50] Tidak dinafikan bahawa di dalam nota prosiding Puan majistret yang bijaksana tidak menyebut pemakaian anggapan mengenai pengetahuan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 semasa beliau membaca keputusannya di akhir kes pendakwaan dan ketika memanggil kedua-dua tertuduh membela diri. Anggapan pengetahuan di bawah seksyen ini hanya dinyatakan di dalam alasan penghakiman mahkamah majistret sahaja.

[51] Namun begitu, pada hemat kami berpaksikan kepada keterangan dan kredibiliti saksi-saksi yang dipanggil untuk memberikan keterangan, ketinggalan (*omission*) atau kekhilafan (*oversight*) oleh mahkamah majistret ini tidaklah menjejaskan dapatan dan sabitan yang dibuat.

[52] Jika benar terdapat salah arah sekali pun, namun kami tidak nampak di mana berlakunya kegagalan keadilan (*failure of justice*) atau ketidakadilan yang substansial (*substantial injustice*) kepada kedua-dua tertuduh.

[53] Berdasarkan kepada keseluruhan keterangan yang dikemukakan, sudah terang lagi bersuluh terdapat keterangan melimpah ruah yang membuktikan kedua-dua tertuduh (secara niat bersama) mempunyai kawalan terhadap dadah berbahaya yang dijumpai di dalam beg eksh P9 tersebut serta pengetahuan mereka tentang kewujudan dadah tersebut di dalamnya. Di

antara keterangan-keterangan yang mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan kawalan dan pengetahuan dadah ini dapat diperincikan seperti berikut:

(a) sepanjang pemerhatian ke atas rumah tersebut, SP2 dan SP4 mendapati tiada orang yang keluar masuk di rumah tersebut. Ketika serbuan dilakukan, SP2 dan SP4 mendapati pintu hadapan berada di dalam keadaan tertutup rapat;

(b) semasa pintu bilik belakang yang tidak berkunci dibuka, SP2 mendapati hanya kedua-dua tertuduh sahaja yang berada di dalam bilik tersebut. Mereka masih belum tidur dan sedang menghisap rokok;

(c) tertuduh pertama dan tertuduh kedua terkejut dan takut selepas menyedari keberadaan polis di dalam bilik tersebut. Pencahayaan di dalam bilik tersebut adalah terang kerana terdapat lampu bilik itu dipasang;

(d) pemeriksaan fizikal terhadap tertuduh pertama tidak mempunyai apa-apa barang salah. Namun pada diri tertuduh kedua, SP4 telah menjumpai satu dompet di bahagian belakang seluar jeans jenama 'Guess' yang dipakai oleh tertuduh kedua. Di dalam dompet tersebut, SP4 telah menjumpai satu paket plastik lutsinar yang di dalamnya mengandungi ketulan kristal dadah;

(e) semasa SP2 bertanyakan kepada tertuduh pertama dan tertuduh kedua sama ada mereka ada lagi menyimpan apa-apa barang yang menyalahi undang-undang. tertuduh pertama menjawab 'Ya. Ada'. Tertuduh pertama seterusnya telah mengambil satu beg berwarna merah (eksh P9) di atas katil, dan menyerahkan kepada SP2. Adalah nyata bahawa kedua-dua tertuduh ini sahaja yang mempunyai akses sepenuhnya ke atas bilik tersebut;

(f) di dalam bilik tersebut juga, SP 2 telah menjumpai satu botol kaca yang telah diubahsuai yang disyaki digunakan untuk menghidap dadah (eksh P10), satu pemetik api berwarna hijau bertulis 'Alladdin' (eksh P11) dan satu bilah gunting besi (eksh P12) di atas lantai dan kesemua barang tersebut dalam keadaan terdedah. Jarak di antara barang-barang kes ini dengan tertuduh pertama dan tertuduh kedua ketika SP2 masuk ke dalam bilik adalah lebih kurang dua kaki sahaja dengan kedudukan kedua-dua tertuduh. Jarak yang dekat ini menunjukkan kedua-dua tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan terhadap barang-barang kes tersebut;

(g) di Ibu Pejabat Polis Daerah, tertuduh pertama dan tertuduh kedua diarahkan untuk menjalani ujian saringan air kencing. Kedua-dua tertuduh didapati positif methamphetamine dan amphetamine;

(h) tidak dinafikan terdapat pintu di bahagian ruang dapur yang menghubungkan gudang dan rumah tersebut. Pihak pembelaan

mengatakan bahawa bilik tempat kejadian tersebut boleh diakses oleh orang lain dan dadah tersebut sebenarnya adalah milik Jamil yang ditinggalkan di bilik itu sebelum tangkapan dibuat. Mahkamah ini mendapati keterangan pihak pembelaan berkenaan kewujudan 'Jamil' merupakan suatu keterangan yang direka-reka untuk menutup kesalahan tertuduh pertama dan tertuduh kedua; dan

(i) pembelaan tertuduh-tertuduh yang menyatakan bahawa mereka tiada pengetahuan ke atas penemuan dadah-dadah tersebut adalah satu penafian kosong semata-mata.

[54] Sewajarnya ditegaskan bahawa adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa mahkamah di peringkat rayuan boleh menyemak dan menilai semula kesemua keterangan yang dikemukakan di dalam memutuskan sesuatu isu yang dibangkitkan di dalam rayuan ini. Prinsip ini jelas diterangkan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam *Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613 di mana Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Zulkefli Ahmad Makinudin HMP (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> As regards the first main ground of appeal, I am of the view that the Court of Appeal has the power to review or to re-evaluate all the evidence available as adduced by the prosecution. The Court of Appeal is in the position to do so in the present case even though the grounds of decision, of then trial judge as appearing in the appeal records is found lacking in specific findings.

The court further held as follows:

> The Court of Appeal has the discretion to re-evaluate the remaining evidence and to scrutinise in totality such other evidence, apart from the confession to determine whether the evidence is sufficient to satisfy all the elements of the charges against the appellant. After all such steps been taken, the Court of Appeal is obliged to scrutinize whether to affirm the conviction against the appellant (see *Public Prosecutor v Abdul Rahman Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337.

[55] Sama juga di dalam of *Public Prosecutor v Azilah bin Hadri & Anor* [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579 di mana Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Suriyadi Halim Omar HMP (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> [102] We hold the view that even if the trial judge had failed to mention of any evaluation of common intention in his written grounds of judgement, the Court of Appeal, which in law reheard the case when exercising its appellate function, was empowered and also duty bound to carry out an evaluation exercise to determine whether common intention did exist. Here the Court of Appeal equally failed to do that. An appeal is a continuation of proceedings by way of rehearing and an appeal court may subject the evidence to a critical re-examination (*Ahmad Najib Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800 *Mohamad Deraman v Public Prosecutor* [2011] 3 MLJ 289; [2011] 3 CLJ 601).

[56] Di dalam kes *G Vasan Gunasegaran v Public Prosecutor* [2018] 1 LNS 1604, Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

> [26] We have scrutinised the whole evidence on record and with respect we found that the learned counsel's argument was misconceived. It was clearly proved that the appellant was the sole occupant of WXV 8540 and was having the sole control of the vehicle from at about 4pm, until the time of his arrest whilst at the driver's seat inside the vehicle at about 5.20pm by PW3 and his team. The keys and remote were recovered from the appellant. He was in physical proximity to the plastic bags containing the impugned drugs. All these factors, taken together, showed that the appellant could have dealt with the impugned drugs, though he was not the owner of the vehicle. For the same reason, the appellant was thus also having custody or control of the two plastic bags containing the said drugs (see *Public Prosecutor v Abdul Rahman Akif*; *Parlan Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; *Khairuddin Hassan v Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 145 and *Aedy bin Osman v Public Prosecutor* [2018] supp MLJ 353; [2011] 1 CLJ 273).
>
> [27] The presence of the two plastic bags inside the vehicle which were under the exclusive control of the appellant at the material time, and the fact that he needed to guard the plastic bags, must necessarily give rise to a strong inference that the appellant had the requisite knowledge that the two plastic bags contained the said drugs. As said by the Federal Court in *Public Prosecutor v Abdul Rahman Akif*:
>
> > ... again, knowledge cannot be proved by direct evidence, it can be proved by inference from the surrounding circumstances. Again, the possible variety of circumstances which will support such an inference is infinite ...

[57] Sebelum kami melabuh tirai berkaitan isu ini, ingin kami menekankan bahawa nas undang-undang yang dirujuk oleh peguam kedua-dua tertuduh kesemuanya adalah berkaitan kes-kes pengedaran dadah di mana mahkamah boleh mengguna pakai sama ada *presumption of possession* di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 atau *presumption of trafficking* di bawah s 37(da) Akta yang sama dan kegagalan mahkamah bicara menyatakan indikasi di akhir kes pendakwaan adalah memudaratkan terhadap sesuatu sabitan yang dibuat. Ini jelas diputuskan di dalam *Public Prosecutor v Abdul Manaf bin Muhamad Hassan* [2006] 3 MLJ 193 di mana Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Arifin Zakaria HMP (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> [17] It ought to be stated at the outset that the decision in Muhammad bin Hassan only prohibits the use of double presumptions under ss 37(d) and 37(da) of the Act. It is therefore, open to the prosecution to rely on either of the presumptions. In other words, the prosecution may positively prove possession without relying on the presumption under s 37(d) of the Act and go on to rely on the presumption of trafficking under 37(da) of the Act to support a charge under s 39B of the Act. See *Tunde Apatira & Ors v Public Prosecutor*; *Msimanga Lesaly v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 314, a decision of Court of Appeal which was confirmed by this Court in Federal Court Criminal Appeal No 05–27 of 2004(K). Conversely, the prosecution may rely on the presumption under s 37(d) to prove possession and

seek to prove by affirmative evidence (independent of the presumption under s 37(da)) that the accused was in fact trafficking in the dangerous drugs.

[58] Di dalam kes *Abou Sylla v Public Prosecutor and another appeal* [2017] 5 MLJ 475; [2018] 1 CLJ 46, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Kamardin Hashim HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> We have perused through the judgment of the learned trial judge and we agree that there is no indication in the judgment whether the accused was convicted based on actual trafficking or presumed trafficking. There was no mention at all by the learned trial judge whether the accused had committed an act of actual trafficking under s 2 or presumed trafficking under s 37(d) of the Act in convicting the accused for an offence of trafficking in the impugned drugs under s 39B(1)(a) of the Act. We are of the considered view that the failure of the learned trial judge to state whether it was direct or presumed trafficking was a serious misdirection in law. To our mind the misdirection in law had occasioned a miscarriage of justice to the accused person.

[59] Berbeza dengan rayuan di hadapan kami ini di mana pertuduhan terhadap kedua-dua tertuduh hanyalah dibuat di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah s 39A(1) Akta yang sama dan bukannya berkaitan pengedaran dadah berbahaya.

[60] Oleh itu pada hemat kami, kegagalan menyatakan indikasi tersebut di akhir kes pendakwaan tidak meruntuhkan kes pendakwaan serta tidak memprejudiskan tertuduh-tertuduh. Malah ianya lebih memihak kepada tertuduh-tertuduh kerana mengikut rekod nota prosiding di akhir kes pembelaan Puan majistret telah menyatakan dengan jelas bahawa:

> Pihak pendakwaan telah membuktikan kes untuk pertuduhan pada tahap melampaui keraguan yang munasabah dan pihak pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan.

[61] Adalah jelas daripada petikan barisan ayat di atas, bahawa beban yang paling rendah telah diletakkan di atas bahu kedua-dua tertuduh untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan (rujuk *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263). Malangnya, beban serendah ini pun gagal disempurnakan oleh kedua-dua tertuduh apatah lagi untuk mematahkan anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 di atas imbangan kebarangkalian yang pastinya tidak akan berjaya dilepasi. Oleh itu tidak ada sebab untuk sabitan ini diakas.

ISU KEDUA

[62] Mengupas tentang isu kedua ini, hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana di dalam alasan penghakimannya mengatakan seperti berikut:

> 26. Mahkamah berpendapat ada perbezaan di antara elemen pemilikan dan jagaan atau kawalan. Dalam kes *Public Prosecutor v Tan Khee Sen* [2020] MLJU 914; [2020] 1 LNS 757, mahkamah memutuskan seperti berikut:
>
> > ... possession is when a person is in a position that he has the power to deal with it as the owner to the exclusion of all others, and when the circumstances are that he may be presumed to intend to do so ... Custody is having care or guardianship over the goods by implication means that the person is keeping the goods on behalf of someone else. This infers that the person had knowledge of the existence and location of the goods and has power of control over them short of possession.
>
> 27. Mahkamah merujuk kepada ms 21 RR Jld 1 alasan penghakiman majistret di mana beliau menyatakan tertuduh pertama ('T1') dan tertuduh kedua ('T2') mempunyai pemilikan serta pengetahuan dadah-dadah tersebut. Majistret seterusnya menyatakan isu pemilikan dadah merupakan teras kepada pertuduhan yang dipertuduhkan ke atas T1 dan T2.
>
> 28. Petikan di atas jelas menunjukkan majistret telah tersalah arah dan terkeliru mindanya, apakah pertuduhan sebenar ke atas tertuduh-tertuduh. Beliau telah dengan panjang lebar dalam alasan penghakimannya menyentuh elemen-elemen pembuktian pemilikan sedangkan pertuduhan ke atas kedua-dua tertuduh adalah mengawal dadah-dadah berbahaya sahaja. Oleh itu mahkamah berpendapat majistret telah tersalah arah dalam menilai pembuktikan kes terhadap kedua-dua tertuduh.

[63] Dengan hormatnya kami tidak bersetuju dengan dapatan yang dibuat oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana ini. Ini adalah kerana dapatan oleh mahkamah bicara yang menyatakan bahawa kedua-dua tertuduh ini mempunyai pemilikan terhadap dadah tersebut dibuat hanya setelah mahkamah bicara berpuas hati bahawa kedua-dua tertuduh mempunyai kawalan dan pengetahuan ke atas dadah yang dijumpai di dalam bilik tersebut sepertimana yang telah kami huraikan di atas. Oleh itu pada hemat kami, tiada salah arah yang dilakukan oleh mahkamah bicara di dalam isu kedua ini. Nas undang-undang di bawah memperjelaskan dengan lebih terperinci tentang perkara ini.

[64] Hakim Thomson di dalam kes *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237; [1956] 1 LNS 17, menyatakan:

> that 'possession' for the purposes of criminal law involves possession itself — which some authorities term 'custody' or 'control' — and knowledge of the nature of the thing possessed.

[65] Di dalam kes *Lim Son Heng v Public Prosecutor* [2014] 6 MLJ 109, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Azahar Mohamed HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> [12] Coming back to the present case, the learned deputy public prosecutor ('the DPP') had with care took us through a number of pieces of evidence that established possession of the impugned drugs on the part of the appellant. Apart from the fact that PW4 saw the appellant coming out from the said premises and locked the grilled door with a padlock, what is more glaring was the fact that the keys to the said premises were recovered by PW7 from the appellant. These keys were later used by the police to unlock the padlock and the main door of the said premises. The next point which has a strong bearing on the issue is the evidence of Loke Kuan Chui ('PW6'), Loke Kuan Yin ('PW9'), Lau Wui Hong ('PW12') and Wong Chee Yee ('PW15'), who confirmed and identified the appellant as the tenant who rented the premises. Their evidence when considered in its entirety showed that the appellant had care and management over the said premises at that material time. Even more to the point is that several documents and receipts bearing his name were also found in one of the rooms of the premises (see search list, exh P17 Items 47–52). In our judgment, all this admissible evidence when taken together lead to the conclusion that at all material time, the offending drugs were in the custody and control of the appellant and further the irresistible inference that could be drawn in the circumstances was that the appellant all along knew about the drugs found in the premises.

[66] Menyentuh mengenai pengetahuan pula, kelakuan tertuduh pertama dan tertuduh kedua yang kelihatan terkejut dan takut selepas menyedari keberadaan polis di dalam bilik tersebut boleh disiratkan sebagai mempunyai pengetahuan ke atas dadah yang dijumpai di dalam bilik tersebut. Kelakuan tertuduh-tertuduh ini adalah relevan dan boleh diterima masuk di bawah s 8 Akta Keterangan 1950.

[67] Di dalam kes *Samundee Devan a/l Muthu Kerishnan v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 607; [2010] 3 CLJ 269, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Mohd Ghazali Yusoff HMP menyatakan seperti berikut:

> [15] We also of the view that the contemporaneous conduct of the appellant in attempting to run away when PW7 identified himself as 'police' is relevant and admissible pursuant to s 8 of the Evidence Act 1950 under the circumstances of the instant appeal. Such conduct, of course not to be taken in isolation but together with all the other circumstances of the case. That would be the correct approach to circumstantial.
>
> (see *Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 307; [1962] 1 LNS 22).
>
> [17] We find the evidence adduced by the prosecution before the learned trial judge showed that the appellant was clearly in possession of the plastic packages and that he had knowledge of the contents of the packages. The facts denote that the said dangerous drugs were in his custody and control. He was in possession of a set of

keys one of which was used to open the boot of the motorcar in which the dangerous drugs were found. He was clearly aware of the packages when he was approached by the police and consequently attempted to run away. The combined strength of these facts gave rise to a strong inference that the appellant had mens rea possession of the packages containing the dangerous drugs and he had knowledge of the dangerous of the dangerous drugs. There was evidence of possession of the dangerous drugs independent of s 37(d) of the Act.

[68] In *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Augustine Paul (beliau pada ketika itu) menegaskan seperti berikut:

> [38] In this case the reaction of the appellant in looking stunned or shocked upon being approached by the police is clearly admissible under s 8 since it has a direct bearing on the fact in issue as the drugs found were tucked away in the front of the jeans worn by him. The explanation for his reaction must therefore be offered by he himself as required by s 9. The court cannot, on its own, offer an explanation for his reaction. However, in his defence the appellant did not offer any explanation at all for his reaction upon being approached by the police. It can therefore be validly used as evidence against him. The inference to be drawn from the evidence of conduct of the appellant against the background of the other evidence is that he knew what he was carrying (see *DPP v Brooks* [1974] 2 All ER 840). It follows that the stand taken by the appellant in relation to the evidence of conduct is not sustainable. Be that as it may, the evidence of conduct in this case is not very significant in view of the manner in which the appellant carried the drugs on his person from which it can reasonably be inferred that he had knowledge of the drugs in his possession (see the cases referred to earlier, and, in particular, *Tunde Apatira & Ors v Public Prosecutor* [2001] 1 MLJ 259; [2001] 1 CLJ 381 and *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337).

KESIMPULAN

[69] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang diberikan di atas, kami sebulat suara mendapati terdapat merit di dalam rayuan ini untuk mewajarkan kami campurtangan terhadap perintah Mahkamah Tinggi. Keputusan yang dibuat oleh mahkamah majistret adalah betul dan tepat.

[70] Oleh itu rayuan pendakwa raya dibenarkan. Perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah majistret dikembalikan (*restored*). Keputusan hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana diketepikan. Waran pemenjaraan dikeluarkan terhadap kedua-dua tertuduh untuk menjalani hukuman pemenjaraan selama satu tahun enam bulan dan empat kali sebatan.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh K Selvaraju